

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 MAC 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cuaca panas belum mencapai tahap ekstrem	KOSMO
2.	Rakyat Malaysia diminta waspada strok haba – KP Kesihatan	Bernamea.com
3.	Sudahlah tiada air, bahang haba dan jerebu pula	Utusan Malaysia
4.	Pendedahan astronomi di Planetarium Negara	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 12
TARIKH: 01 MAC 2014 (SABTU)

Cuaca panas belum mencapai tahap ekstrem

Oleh LILY YEAN dan FARHANA
HANIM MOHD. MYDIN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Cuaca kering dan panas yang melanda negara ini sejak Januari lalu masih belum mencapai tahap ekstrem, kata Timbalan Ketua Pengarah (Strategi dan Teknikal), Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Mohd. Rosaidi Che Abas (gambar kecil).

Menurutnya, suhu maksimum yang mencecah antara 34 hingga 36 darjah celsius adalah normal bagi bulan Januari dan Februari.

"Buat masa ini negara kita tidak dilanda kemarau sebaliknya mengalami cuaca yang panas dan kering.

"Keadaan akan menjadi ekstrem apabila suhu mencecah 40 darjah celsius seperti yang pernah berlaku di Perlis sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, kata Mohd. Rosaidi, jumlah hujan bagi Januari dan Februari tahun ini adalah lebih kurang berbanding tempoh yang sama bagi tahun lalu.

"Tahun ini hujan memang kurang dan kami jangka ia akan

berakhir pada pertengahan Mac apabila berlakunya musim peralihan.

"Bagaimanapun ia masih belum mencapai tahap yang memudaratkan atau kemarau," ujarnya.

Mengulas lanjut, jelasnya, buat masa ini, proses pembenihan awan masih belum dilakukan memandangkan tiada awan sesuai.

"Awan kumululus yang besar diperlukan untuk melakukan proses pembenihan awan.

"Pihak kami telah bersiap sedia dan akan menjalankan proses itu dengan Tentera Udara Diraja Malaysia apabila tiba masa yang sesuai nanti," tambahnya.

Sementara itu, cuaca jerebu yang melanda ketika ini dikenal pasti berpunca daripada faktor dalaman seperti pembakaran hutan, pembebasan asap dari kawasan perindustrian dan asap kenderaan.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah berkata, cuaca panas dan kering tanpa kehadiran hujan untuk beberapa hari memburukkan lagi keadaan.

"Keadaan berjerebu setakat ini



WARGA kota meluangkan masa menjalankan aktiviti luar bersama keluarga walaupun dalam keadaan cuaca berjerebu dan panas kering di Taman Tasik Metropolitan, Kuala Lumpur semalam.

tidak terlalu tinggi dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat hanya di tiga kawasan sahaja iaitu Pelabuhan Klang, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Seremban.

"Fenomena jerebu ini tidak mempunyai kaitan dengan kejadian letusan gunung berapi Sinabung di Sumatera Utara baru-baru ini atau berdasarkan faktor luaran lain," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya lagi, jerebu kini tertumpu di kawasan bandar besar

yang aktif dengan aktiviti perindustrian serta memiliki jumlah kenderaan yang banyak seperti di Lembah Klang.

Bagaimanapun, katanya, keadaan jerebu masih terkawal.

Bacaan IPU direkod oleh Jabatan Alam Sekitar semalam mencatatkan, keadaan tidak sihat di Pelabuhan Klang dengan 116 hingga 118, Putrajaya pula bacaan tertinggi 127 sekitar pukul 2 petang, manakala di Seremban pula mencatatkan bacaan 109 sekitar pukul 4 petang.





Rakyat Malaysia Diminta Waspada Strok Haba - KP Kesihatan

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia diminta berwaspada terhadap tanda-tanda awal 'heat stroke' atau 'strok haba' berikutan cuaca panas dan kering ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memberitahu Bernama, definisi strok haba adalah paras suhu badan meningkat melebihi 40.5 darjah celsius. Suhu normal badan manusia kira-kira 37.0 darjah celsius.

"Antara tanda awal terkena strok haba ialah sakit kepala berdenyut, mual, kurang berpeluh walaupun dalam suhu panas dan denyutan nadi yang pantas.

"Tanda-tanda lain ialah otot lemah dan kejang, muntah, kulit kering dan kemerahan, sawan serta pitam," katanya.

Dr Noor Hisham berkata suhu tinggi juga mengundang komplikasi kepada sistem saraf otak yang boleh menyebabkan seseorang itu koma dan boleh membawa kematian.

Jabatan Meteorologi Malaysia sebelum ini menyatakan keadaan cuaca panas dan kering melanda negara ketika ini agak tinggi berbanding tempoh sama tahun lepas dan dijangka berterusan sehingga pertengahan Mac ini.

Dr Noor Hisham berkata pendedahan berpanjangan kepada cuaca dan suhu panas disamping kurang minum air dan dehidrasi badan antara punca boleh menyebabkan strok haba.

Oleh itu beliau menyarankan beberapa langkah segera untuk diambil sekiranya ada individu terkena strok haba iaitu menempatkan pesakit di tempat teduh dan berhawa dingin.

"Haba tinggi boleh dikurangkan jika individu itu ditempatkan di bawah kipas dan mengelap anggota badan menggunakan tuala basah.

"Pesakit juga mungkin boleh berendam di dalam kolam air untuk menurunkan tekanan haba dan menyejukkan badan," katanya.

Dr Noor Hisham turut meminta orang ramai mengelakkan aktiviti riadah yang terdedah kepada cuaca panas serta minum air dalam kuantiti banyak atau sekurang-kurangnya 2.5 liter sehari.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 13 TARIKH: 01 MAC 2014 (SABTU)

Sudahlah tiada air, bahang haba dan jerebu pula

CUACA panas yang melanda sekarang cukup untuk menaikkan suhu darah ramai orang di dalam negara.

Maklumlah, sudahlah panas, bekalan air pula kurang bahkan di sesetengah tempat tidak keluar daripada paip rumah setitik pun.

Di Selangor mulai Khamis lepas, catuan air dilakukan di beberapa tempat. Lori-lori Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) secara berjadual menghantar bekalan air ke kawasan-kawasan terjejas - namun ini bermakna pengguna terpaksa beratur mengambil air, mengisi dalam bekas, baldi dan sebagainya sebelum mengangkat atau mengangkutnya ke rumah masing-masing.

Jika keadaan ini berterusan, nampaknya ramai yang akan sakit pinggang dan belang gara-gara masalah air.

Walaupun cuaca panas pernah melanda Malaysia, namun kali ini agak malang kerana ia berlaku ketika kita menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Kementerian Kesihatan sudah pun memberi amaran tentang serangan strok haba.

Apa yang jelas, keadaan cuaca dalam negara kini pada tahap yang boleh mengancam kesihatan - fizikal dan mental.

Lebih membimbangkan, Jabatan Bomba dan Penyelamat baru-baru ini mengeluarkan amaran bahawa keadaan mungkin menjadi lebih kritikal jika berlaku kebakaran semak dan belukar.

Sejak 29 Januari lalu, sebanyak 6,996 kes kebakaran semak dilaporkan. Bahkan buat masa ini, terdapat 11 kebakaran kawasan tanah gambut dengan anggota bomba sedang berhempas-pulas mengawalnya daripada merebak.

Tanah gambut mengambil masa untuk kering, jadi jika tidak ada perubahan pada

Komentar

Marhaini Kamaruddin



corak cuaca dalam tempoh dua minggu akan datang - iaitu tidak ada hujan - kita akan melihat lebih banyak kebakaran berlaku.

Hal ini akan menimbulkan masalah yang serius kerana kebakaran tanah gambut sukar dipadamkan. Apabila keadaan ini berlaku, akibatnya negara akan dilanda jerebu.

Dilaporkan ketika ini, anggota bomba di seluruh negara sedang berjaga-jaga jika ada kebakaran berlaku di kawasan tanah gambut di Batu Arang dan Johan Setia di Selangor; Dungun dan Kemaman di Terengganu; serta Pekan, Pahang, selain tanah di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Sehingga kini, Johor merekodkan jumlah kebakaran tanah gambut tertinggi dengan 69 kes, diikuti Selangor (63), Melaka (40), Kedah (23), Perak (21), Perlis (13), Pahang dan Terengganu (sembilan), Sarawak (lapan), Pulau Pinang (empat) dan Sabah (tiga).

Di samping itu terdapat masing-masing tujuh kes di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Harapan bahawa keadaan akan bertambah baik agak samar-samar apabila **Jabatan Meteorologi** mengumumkan yang cuaca panas dan kering akan berterusan sehingga pertengahan Mac.

Tidak kena gaya nampaknya kita akan



SEBAHAGIAN kawasan hutan yang terbakar akibat cuaca kering di kawasan Kesedar Celulang, Kuala Krai, Kelantan, semalam. - UTUSAN

menyaksikan lebih banyak kebakaran tanah gambut, sekali gus jerebu teruk di dalam negara.

Itu belum diambil kira aktiviti pembakaran ladang di Sumatera, yang semacam sudah menjadi 'tradisi' saban tahun.

Jabatan Alam Sekitar baru-baru ini melaporkan mengesan dan sedang memantau hampir 2,000 tompok panas di Sumatera dan lebih 1,000 lagi di Kalimantan, di samping 338 tompok panas di seluruh negara.

Jika kebakaran berlaku, sudah pasti sukar untuk mengawalinya dalam keadaan cuaca yang panas dan amat kering sekarang.

Segala permasalahan yang berlaku daripada krisis air, cuaca panas dan kebakaran ladang dan hutan ini sebenarnya menuntut komitmen setiap daripada kita agar meng-

hargai alam sekitar dan segala sumber alam.

Jerebu dan bahang haba di Lembah Klang misalnya turut disumbangkan oleh pencemaran yang berlaku akibat pelepasan asap kenderaan dan industri di samping projek pembinaan, sehinggalah udara yang kita sedut bukan lagi oksigen sebaliknya bahan kimia.

Kita juga mengambil jalan mudah melupuskan sampah dan daun kering dengan membakarnya sungguhpun kita sudah tahu kesan pembakaran terbuka.

Dan biarpun krisis bekalan air sudah diperingatkan berulang kali, kita alpa. Kita membazirkan air sewenang-sewengannya kerana merasakan mustahillah masalah bekalan air akan berlaku di negara ini, yang terkenal dengan taburan hujan antara tertinggi di dunia.

Hakikatnya perubahan iklim yang berlaku di serata dunia tidak mengenal sempadan negara. Dan terbukti, kini kita mengalaminya.

Beberapa tempat di utara Semenanjung sudah tidak mengalami hujan lebih 40 hari, musim kering yang dianggap paling buruk pernah berlaku sejak 1980-an.

Sementara pihak berkuasa daripada kerajaan Pusat dan negeri memikir, merancang dan melaksanakan pelan masing-masing bagi menangani segala permasalahan itu, belum terlambat untuk kita sebagai warga bumi Malaysia memperbaiki sikap agar lebih prihatin terhadap alam dan sumbernya.

Itupun jika kita mahu mewariskan apa yang dinikmati sekarang kepada generasi anak cucu kita.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (APA BERLAKU.COM): MUKA SURAT 11
TARIKH: 01 MAC 2014 (SABTU)

UTUSAN MALAYSIA SABTU 1 MAC 2014

APA BERLAKU .COM 11



SEORANG pelajar sedang menggunakan alat khas ketika menyertai aktiviti pencerapan matahari.

Pendedahan astronomi di Planetarium Negara

SEBUT sahaja bidang angkasa lepas, sudah pasti kamu terbayangkan Planetarium Negara yang menjadi lokasi terbaik untuk mendapat pendedahan berkaitan astronomi. Baru-baru ini, Planetarium Negara telah menganjurkan program Malaysia Space Odyssey: 20th Years With National Planetarium sempena ulang tahunnya yang ke-20.

ia bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai sejarah Planetarium Negara bermula dari 1994 sehingga kini serta menyediakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang hari kepada orang

awam terutamanya remaja.

Tetamu kehormat yang merasmikan majlis itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Ewon Ebin yang diiringi Timbalan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (Angkasa Malaysia), Dr. Noordin Ahmad dan Pengarah Planetarium Negara, Azreena Ahmad.

Antara aktiviti yang diadakan pada hari berkenaan adalah Astro Quiz, lawatan ke Balai Cerap, pencerapan matahari, aktiviti Cookie Moon Phase, pameran Space Odyssey: 20 Years With National Planetarium, lintas langsung (live streaming)

bersama bekas Ketua Pengarah Angkasa Malaysia, Datuk Dr. Mazlan Othman dan juga Sesi Teh Tarik Talk berkenaan fenomena astronomi sepanjang tahun 2014 bersama Ketua Unit Penyelidikan Angkasa, Angkasa Malaysia, Mhd. Fairos Asillam.

Dalam program ini juga, para pengunjung telah diberikan kesempatan untuk menyaksikan tayangan baru bertajuk We Are Astronomers secara percuma. Tayangan ini memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai kerjasama global, teknologi dan dedikasi yang diperlukan untuk mendapatkan jawapan kepada

persoalan yang masih belum terjawab tentang rahsia angkasa lepas.

Sejak ditubuhkan, Planetarium Negara telah menerima hampir lima juta pengunjung dari dalam dan luar negara dan berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti kesedaran dalam kalangan masyarakat seperti National Space Challenge-Prime Minister's Trophy, Pertandingan Pelancaran Teknologi Roket, pencerapan langit, syarahan umum fenomena angkasa, pendidikan astronomi melalui fotografi, pameran bergerak, kem cuti sekolah, pembelajaran melalui Portal Pendidikan Sains Angkasa dan sebagainya. 